

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH : 18 MAC 2019 [ISNIN]

SOALAN NO. 19

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perkembangan permohonan Pulau Pinang untuk membina Projek Perumahan Rakyat di lima daerah negeri ini. Jelaskan juga status Projek Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PR1MA) dan Program Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia (TP1M) di Pulau Pinang termasuk bantuan peruntukan penyelenggaraan dan kelulusan permohonan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menerima permohonan untuk membina Program Perumahan Rakyat (PPR) baharu daripada Kerajaan Negeri di kawasan Bandar Jelutong, Pulau Pinang dan permohonan ini telah dipertimbangkan oleh KPKT untuk diangkat kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) sebagai salah satu cadangan projek baharu bagi tahun 2020.
2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, sehingga 31 Januari 2019 KPKT telah menyiapkan 4 Projek (999 unit) PPR di Negeri Pulau Pinang iaitu PPR Lorong Selamat, Georgetown (316 unit), PPR Jalan Thamby, Butterworth, (382 unit), PPR Mak Mandin (70 unit) dan PPR Kg. Tok Suboh, Seberang Perai Tengah (231 unit).
3. Bagi Projek Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PR1MA) di Pulau Pinang pula, sebanyak 3,170 unit (3 projek) telah diluluskan yang terdiri daripada 1,017 unit sedang dalam pembinaan. Manakala jumlah selebihnya iaitu 2,153 unit masih dalam peringkat perancangan. Projek-projek ini terletak di kawasan Parlimen Bukit Bendera, Bukit Gelugor, dan Permatang Pauh.
4. Bagi program Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) pula, KPKT telah menerima sebanyak 73 permohonan (50 projek rumah kos rendah dan 23 projek rumah kos sederhana rendah) daripada Joint Management Body/ Management Corporation (JMB/MC) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Pulau Pinang dengan melibatkan kos berjumlah RM27.9 juta di sepanjang tahun 2014-2017. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 32 permohonan (merangkumi 21 projek rumah kos rendah dan 11 projek rumah kos

sederhana rendah) dengan kos berjumlah RM19.46 juta telah diluluskan oleh KPKT bagi tujuan pelaksanaan.

6. Kelulusan ini adalah bagi tujuan kerja-kerja pembaikan seperti penggantian lif, penggantian tangki air, mengecat bangunan dan membaiki kerosakan harta bersama (*common property*) di sesebuah kawasan strata tersebut.
7. Bagi tahun 2018 dan 2019, tiada permohonan TPPM yang diluluskan di negeri Pulau Pinang. Ini adalah kerana peruntukan yang diterima oleh KPKT hanya untuk membiayai projek-projek sedia ada (sambungan tahun 2017).
8. Untuk makluman Yang Berhormat, KPKT akan melihat semula permohonan yang dikemukakan oleh seluruh PBT pada tahun ini. Walau bagaimanapun, kelulusan adalah tertakluk kepada peruntukan yang diterima oleh KPKT pada tahun 2020. Kelulusan juga akan memberi keutamaan kepada pembaikan yang melibatkan isu keselamatan seperti lif, tangki air, bumbung dan susur tangga.

Sekian, terima kasih.